



---

---

## LAPORAN KUNJUNGAN PENANG YOUTH DEVELOPMENT CENTRE (PYDC) KE POLITEKNIK SEBERANG PERAI (PSP)

Pada tarikh 28 Januari 2022 yang lalu, Politeknik Seberang Perai (PSP) telah menerima kunjungan daripada wakil Penang Youth Development Centre (PYDC) iaitu Dr. Gwee Sai Ling (General Manager) dan Cik Samantha Tang (Senior Program Executive). Kunjungan PYDC adalah bertujuan untuk memberikan penerangan mengenai kursus-kursus jangka pendek yang bakal ditawarkan oleh PYDC. Kursus yang ditawarkan adalah merupakan "*Top 5 Hard Digital Skills*" iaitu kursus *Agile Methodologies*, *Web Development*, *Cloud Computing*, *Search Engine Optimization* dan *Analytics* seterusnya berhasrat agar peluang tersebut dapat dimanfaatkan oleh pelajar PSP. Kursus yang akan dianjurkan dalam masa terdekat adalah kursus *Young Digital Talent in Web Design* dijalankan pada tarikh 12, 13 dan 19 Mac 2022, selama 3 hari. Kelebihan kursus ini adalah ianya boleh disertai oleh semua pelajar dari berbagai bidang pengajian. Selain kursus berkaitan 4.0, PYDC turut memberikan penerangan berkenaan dengan kursus dalam bidang sosial yang boleh disertai oleh pelajar PSP iaitu kursus *Global Online Workflow (GLOW)*, *Penang International Youth Conference 2022*, *Youth Entrepreneurship Challenge*, *Digital Exabyte's Penang*, Sidang Muda 2022 dan juga program kesukarelawan. Perbincangan diakhiri dengan ucapan penghargaan Pengarah PSP iaitu Sr. Harith Fadzilah Bin Abd Khalid kepada pihak PYDC kerana sudi menyampaikan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan oleh PYDC dan memberi peluang kepada graduan PSP untuk mengenali PYDC. Pengarah turut menzahirkan pengharapan agar kerjasama ini dapat memberikan nilai tambah kepada

pelajar PSP disamping menguatkan lagi hubungan kolaborasi antara PSP dan PYDC pada masa depan.



Gambar kenangan Sr. Harith Fadzilah Bin Abd Khalid, Pengarah Politeknik Seberang Perai (PSP) dan Dr. Gwee Sai Ling, Penang Youth Development Centre (PYDC) diiringi oleh Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Dr. Zulhadi bin Zakaria dan juga Ketua CISEC, Dr. Nor Hasni Binti Haron bersama dengan Ketua Jabatan JTMK dan JP, Ketua Unit Keusahawanan dan wakil CISEC Jabatan.